

1976  
ALOR SETAR, 30 NOV. (BERNAMA) -- TIMBALAN P ~~RESIDENT~~ ENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI ADA BANYAK PE ~~ANG~~ DI NEGARA INI YANG BOLEH DIGUNAKAN OLEH RAKYAT UNTUK Mencari KEKAYAAN DAN KEMEWAHAN.

APA YANG PERLU, KATANYA IALAH USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENCAPI KEJAYAN DALAM BIDANG YANG DIPILIH OLEH SESEORANG.

BERUCAP MERASMIKAN KURSUS ORIENTASI PEMIMPIN-PEMIMPIN TEMPAT ANDI SEKOLAH KEBANGSAAN TITI HAJI IDRIS, 11 BATU DARI SINI BELIAU LALU MENYERU RAKYAT SUPAYA BERUSAHA LEBIH GIAT LAGI BAGI MENCAPI KEJAYAAN DAN KEBAHAGIAN HIDUP.

BAGAIMANA BELIAU MENINGATKAN MEREKA HENDAKLAH MEMPUYAI HATI YANG CEKAL DAN TABAH BAGI MENGHADAPI SEGALA PERCUBAAN SERTA HALANGAN YANG MUNGKIN DITEMPOH KERANA TIDAK SEMUA ORANG AKAN MENCAPI KEJAYAAN DARI MULA LAGI.

KALAU GAGAL DALAM SEBARANG USAHA ATAU PROJEK, MEREKA JANGALAH MUDAH BERPUTUS ASA TETAPI HENDAKLAH MENKAJI DI MANA LETAKNYA KESALAHAN MEREKA SUPAYA DAPAT DIBETULKAN SEGERA. KATA BELIAU.

--BERSAMBUNG 1456/BY

££

B535

MAHATHIR @ ALOR SETAR

KATANYA, KERAJAAN BOLEH MENGADAKAN BERBAGAI KEMUDAHAN DAN BANTUAN TETAPI TANPA USAHA DARI RAKYAT SENDIRI KEMAJUAN TIDAK AKAN TERCAPI.

MENGENAI POLITIK, DR. MAHATHIR BERKATA UMNO SEKARANG INI TIDAK LAGI +KUKUH+ SAPERTI MASA-MASA LAMPAU KERANA KEANGGOTAANNYA MEROSOT SEDIKIT.

INI ADALAH DISEBABKAN PERASAAN CEMBURU AHLI-AHLI LAMA UNTUK MENERIMA KAUM MUDA MENJADI ANGGOTA PARTI ITU.

SIKAP SEPERTI ITU PERLU DIUBAH SEGERA UNTUK MENJAMIN UMNO AKAN TERUS KUAT DAN BERKUASA DI NEGARA INI, TAMBAHNYA.

USAHA-USAHA YANG LEBIH BERKESAN HENDAKLAH DIJALANKAN BAGI MENARIK LEBIH RAMAI JENERASI MUDA TERMASUK PARA INTELIGENSI MENJADI AHLI UMNO.

DISAMPING ITU, AHLI-AHLI UMNO JUGA PERLU BERUSAHA MENGUATKAN LAGI PERPADUAN PARTI DAN RAKYAT SERTA MEMBANTU ORANG RAMAI TANPA MENGIRA FAHAMAN POLITIK ATAU KAUM DALAM SEMUA BIDANG. --BERNAMA 1453/BY